

MAHATHIR - AHLI PERNIAGAAN
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

I

CARACAS, 3 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KHAMIS MALAM MENAWARKAN KEPADA AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN VENEZUELA, YANG BERHASRAT MEMPERLUASKAN PERNIAGAAN MEREKA DI RANTAU ASIA-PASIFIK, SUPAYA MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSATNYA.

BELIAU BERKATA BANYAK SYARIKAT DARI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG TERKEMUKA TELAH MENGENAL PASTI MALAYSIA SEBAGAI TAPAK UNTUK DIJADIKAN TEMPAT BAGI MEMPERLUASKAN PASARAN DI RANTAU INI SEPTA SEBAGAI PUSAT UNTUK MENGEKSPORT BARANGAN MEREKA KE NEGARA-NEGARA MAJU DI EROPAH.

KETIKA BERCAKAP PADA SATU PERJUMPAAN DENGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN TEMPATAN PADA SATU JAMUAN MALAM YANG DIANJURKAN BAGINYA OLEH KONGLOMERAT VENEZUELA TERKEMUKA, ORGANIZACION DIEGO CISNEROS, PERDANA MENTERI MENGGARISKAN BEBERAPA FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KEADAAN PELABURAN YANG MENGGALAKKAN DI MALAYSIA.

IA TERMASUK KESTABILAN POLITIK, KETEGUHAN EKONOMI, PENTADBIRAN YANG CEKAP, TENAGA KERJA YANG TERLATIH DAN RESPONSIF, PRODUKTIVITI TINGGI, INFRASTRUKTUR YANG MODEN DAN SISTEM BANK DAN KEUANGAN YANG EFISIEN.

+MALAYSIA JUGA MENAWARKAN SATU PAKEJ PERCUTIAN DAN PELBAGAI INSENTIF EKSPORT. KAMI JUGA MENAWARKAN KUALITI HIDUP YANG MENARIK KEPADA ORANG ASING SAMA SEPERTI ORANG TEMPATAN,+ KATANYA. -- LAGI 1008MST 03 08 90

D450

U B074 AAB
MAHATHIR - AHLI PERNIAGAAN 2 CARACAS

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, TIBA DI SINI PADA RABU LEPAS BAGI LAWATAN RASMI LIMA HARI KE VENEZUELA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MAMPU MENGHADAPI CABARAN-CABARAN DALAM TAHUN-TAHUN 1990-AN DENGAN PERANAN YANG LEBIH PENTING DALAM SEKTOR PEMBUATAN YANG BERASASKAN EKSPORT.

NEGARA SEKARANG SEDANG BERGERAK KE ARAH SATU ERA PERINDUSTRIAN BERTEKNOLOGI TINGGI BUKAN SAHAJA DALAM BIDANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TETAPI JUGA PENGELUARAN YANG BERASASKAN SUMBER-SUMBER ASLI.

BELIAU BERKATA SEKTOR KEJURUTERAAN MALAYSIA JUGA AKAN MENGALAMI PERTUMBUHAN TEKNOLOGI TINGGI DALAM INDUSTRI KEJURUTERAAN KEJITUAN DAN DALAM INDUSTRI BERAT SEBAGAI YANG TERBUKTI DENGAN KEJAYAAN KERETA MALAYSIA -- PROTON SAGA.

PERDANA MENTERI BERKATA SUMBANGAN SEKTOR PEMBUATAN KEPADA PENDAPATAN EKSPORT MALAYSIA TELAH MENINGKAT SEJAK TAHUN 1989. -- LAGI 1011MST 03 08 90

D451

U B075 AAB
MAHATHIR - AHLI PERNIAGAAN 3 CARACAS

HARI INI, SEKTOR ITU TELAH MEMBERIKAN HASIL EKSPORT YANG TERBESAR IAITU SEBANYAK \$36,000 JUTA PADA TAHUN LEPAS ATAU 54 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT.

+EKSPORT PEMBUATAN TELAH MENGATASI KESELURUHAN EKSPORT PELBAGAI KOMODITI DAN PETROLEUM,+ KATANYA.

+HARI INI, MALAYSIA MERUPAKAN PENGEKSPORT TERBESAR SEMI-KONDUKTOR ELEKTRONIK DAN JUGA BARANGAN YANG BERASASKAN GETAH SEPERTI SARUNG TANGAN,+ KATANYA.

DI SAMPING ITU, MALAYSIA JUGA MERUPAKAN PENGEKSPORT KEDUA TERBESAR ALAT PENDINGIN UDARA.

BELIAU MERAMALKAN DALAM TEMPOH DUA ATAU TIGA TAHUN AKAN DATANG, NEGARA INI MUNGKIN MENJADI ANTARA PENGEKSPORT TELEVISYEN DAN PERAKAM VIDEO KASET YANG TERKEMUKA DI DUNIA. -- BERNAMA